

Halal, Haram dan Syubhah dalam Makanan dari Perspektif Syariah dan Undang-undang

Ahmad Hidayat Buang¹
Siti Fatimah Hamidon²

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan definisi, sifat dan ciri-ciri berkaitan tiga perkara iaitu halal, haram dan syubhah yang mana berkait rapat dengan makanan dan minuman. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti sumber asas, prinsip-prinsip dan hukum tiga perkara tersebut menurut pandangan undang-undang Islam serta penyesuaiannya dalam undang-undang dari sudut positif. Metode yang digunakan adalah kajian perpustakaan dengan menggunakan teknik analisis kandungan dalam membincangkan pendapat dan pandangan. Daripada kajian ini, didapati bahawa prinsip ketiga-tiganya iaitu halal, haram dan syubhah sebenarnya adalah konsep umum dari perundangan Islam yang berlaku dari semua aspek dan adab dalam kehidupan dan aktiviti orang Islam. Penggunaan istilah halal yang popular pada bahan makanan dan syarat-syaratnya yang sentiasa dipenuhi merupakan hasil keutamaan dan kepentingan agama terhadap perkara tersebut, kerana ianya melambangkan keagamaan seseorang Muslim malah memakan yang bukan halal atau haram mahupun syubhah memberi kesan negatif kepada tubuh badan dan rohani orang Islam.

Kata kunci: Halal, Haram, Syubhah, Penguatkuasaan Halal

PENDAHULUAN

Istilah halal sering dikaitkan dengan makanan dan minuman walaupun skop halal merangkumi semua urusan dalam kehidupan. Situasi ini berlaku kerana terdapat larangan secara tegas di dalam al-Quran dan juga al-Hadith terhadap makanan dan minuman tertentu. Bahkan al-Hadith menjadikan satu kesalahan jenayah yang dihukum secara had terhadap perbuatan meminum minuman keras atau *al-khamr* dengan menyamakan kesalahan tersebut dengan kesalahan *qadhaf*. Begitu juga terdapat celaan yang bersifat religius terhadap konsumsi makanan dan minuman yang tidak halal yang mempunyai kaitan rapat dengan keperibadian dan keagamaan

¹ Professor, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, ahidayat@um.edu.my.

² Master Candidate, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, fatimahhamidon@gmail.com.

seseorang seperti merosakkan hati,³ mendapat dosa,⁴ menghalang doa dan ibadat daripada diterima oleh Allah.⁵

Di samping itu makanan merupakan keperluan fisiologi manusia⁶ dan berusaha mencari makanan yang halal adalah kefardhuan bagi umat Islam.⁷ Oleh yang demikian persoalan makanan dan minuman halal adalah sesuatu yang dipandang serius dan pelanggaran adalah sesuatu yang sensitif bagi umat Islam.⁸ Makanan merupakan keperluan paling asas bagi manusia,⁹ dan penting untuk meneruskan kelangsungan hidup.¹⁰ Makanan bermaksud segala atau apa sahaja yang boleh dimakan¹¹ yang terdiri daripada bahan berkhasiat, terutamanya dalam bentuk pepejal, yang boleh didapatkan dari haiwan atau tumbuhan untuk mengekalkan kehidupan dan pertumbuhan.¹² Fungsi utamanya adalah untuk membekalkan nutrisi, tenaga,¹³ khasiat dan zat untuk tubuh badan.¹⁴ Selain itu, ia juga berperanan dalam mengekalkan kehidupan dan menggalakkan kesihatan¹⁵ yang seterusnya membuatkan seseorang Muslim itu berupaya menjalankan amanah yang telah ditaklifkan oleh Allah kepadanya.

Maka, dalam aspek pemakanan, Islam amat menekankan agar umatnya menjaga dua kriteria utama iaitu halal dan berkhasiat (baik).¹⁶ Ini kerana makanan yang baik bukan sahaja mengambil kira kandungan zat yang ada dalam makanan tersebut bahkan aspek kebersihan dan halal turut perlu diberi penekanan.¹⁷ Bertepatan dengan peranan agama dan kepercayaan yang mana mempengaruhi manusia dalam pemilihan makanan harian mereka.¹⁸ Keadaan ini dibuktikan lagi melalui firman Allah di dalam al-Quran yang menyeru hambanya agar mengambil makanan yang halal dan baik sebagaimana di dalam Surah al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud: “Wahai sekalian manusia, makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal

³ al-Qurtubī, *al-Mufhim Li Mā Ashkal Min Talkhīṣ Kitāb Muslim* (Beirut: Dār Ibn Kathīr, t.t.), 3:59.

⁴ Mohammad Mazhar Hussaini and Ahmad Hussein Sakr, *Islamic Dietary Laws and Practices* (USA: The Islamic Food and Nutrition Council of America, 1984), 9.

⁵ Rusnadewi Abdul Rashid, “Logo Halal Gimik Perniagaan Bulan Ramadhan”, *Dewan Ekonomi*, Ogos 2010, 51-53.

⁶ Anisah Ab. Ghani, “Kebersihan dan Keselamatan Makanan dari Perspektif Halal”, *Jurnal Halal* (2008): 37.

⁷ Suhaimi Ab. Rahman, Jafri Abdullah dan Mohammad Aizat Jamaludin, “Aplikasi Konsep Syubnah dalam Produk Makanan Halal Masa Kini: Satu Kajian Mengikut Perspektif Hadis”, dalam *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, ed. Fauzi Deraman et al. (Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, 2011), 113.

⁸ “Penentuan Makanan Halal”, *Berita Harian*, 24 Julai 2013.

⁹ Hartmut Schneider, *Meeting Food Needs in a Context of Change* (Paris: Development Centre Studies, 1984), 12.

¹⁰ Andrew J. Clifford, “The Whole Animal As an Analytical Tool”, dalam *Food Analysis: Principles and Techniques*, ed. Dieter W. Gruenwedel and John R. Whitaker (New York: Marcel Dekker, inc., 1985), 3:1.

¹¹ *Kamus Dewan*, 981, entri “makanan”; lihat juga Jubrān, *al-Rāid*, 2:970.; lihat juga *Oxford Advanced Learner’s Dictionary of Current English*, ed. ke-8 (Oxford: Oxford University Press, 2010), 602, entri “food”.

¹² *The Oxford English Reference Dictionary*, ed. ke-2 (Oxford: Oxford University Press, 1996), 539, entri “food”.

¹³ Zulzaidi Mahmud, “Pelaksanaan Pemantauan dan Penguatkuasaan Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Kajian Terhadap Penyalahgunaan Logo Halal” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah Undang-undang, Universiti Malaya, 2011), 32.

¹⁴ Norkumala Awang, “Pandangan Hidup Islam dan Budaya Pemakanan Masa Kini”, dalam *Pemakanan Yang Sihat Menurut Perspektif Islam*, ed. Norkumala Awang (Kuala Lumpur: IKIM, 2011), 1.

¹⁵ John Yudkin, “The Need for Change”, dalam *Changing Food Habits*, ed. John Yudkin and J. C. McKenzie (London: Macgibbon & Lee LTD., 1964), 15.

¹⁶ Norkumala, “Pandangan Hidup Islam”, 1&3.

¹⁷ Noorfazreen Mohd Aris dan Asmak Ab Rahman, “Pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia: Kajian Daripada Perspektif Ekonomi Malaysia”, *Jurnal Syariah* 19 (2011): 40.

¹⁸ Tawfik Salah Mohammed al-Nahdi and Md. Aminul Islam, “Factors Influencing Malaysian Muslims to Patronage Halal Restaurants-Ambience As a Mediator”, *Business Review* 6 (2011): 122.; lihat juga Jemal Nath et al., “Consumer Faith: An Exploration of Trust in Food and The Impact of Religious Dietary Norms and Certification”, *Food, Culture and Society* 16 (2013): 425-434.; lihat juga S Dindyal, “How Personal Factors Including Culture and Ethnicity, Affect the Choices and Selection of Food We Make”, *Internet Journal of Third World Medicine* 1 (2003): 27-33.

lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan.”¹⁹ Ayat ini menunjukkan peranan dan pengaruh yang dimainkan oleh makanan adalah besar dan penting terhadap kesehatan manusia. Sebagai makhluk yang berakal, manusia dilarang mengambil makanan yang boleh memudaratkan diri dan hendaklah memilih makanan yang menjamin kesehatan dan memelihara identiti Islam.²⁰ Oleh itu pengetahuan tentang makanan, terutama makanan harian kita amat dituntut bagi membangunkan tabiat makanan yang sihat,²¹ halal dan baik.

Secara umumnya adalah menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk memastikan bahan makanan dan minuman yang digunakan sama ada untuk diri dan keluarga adalah halal. Dalam konteks masa kini bagaimanapun, tugas untuk memastikan kehalalan sesuatu makanan dan minuman serta lain-lain produk pengguna juga terletak di bawah tanggungjawab kerajaan. Di Malaysia sebagai contoh terdapat undang-undang, standard serta agensi penguatkuasa yang memantau supaya setiap barangan kegunaan orang Islam adalah halal. Begitu juga di peringkat antarabangsa terdapat beberapa badan-badan sama ada kerajaan atau bukan kerajaan yang memantau. Kepelbagaian badan-badan pengesahan atau pemantauan halal ini serta juga fatwa dan amalan yang berbeza boleh menimbulkan persoalan serta isu tertentu.²²

Tujuan artikel ini adalah untuk membincangkan prinsip-prinsip Syariah yang berkaitan dengan persoalan halal dan haram ini dan cuba untuk memberi justifikasi kepada kepelbagaian pandangan berkenaan dalam konteks amalan dan pelaksanaan Syariah sama ada di peringkat individu atau masyarakat dan negara.

KONSEP²³ HALAL DAN HARAM

Dalam membincangkan konsep halal dan haram dalam aspek makanan mengikut perspektif perundangan Islam terdapat tiga istilah penting iaitu halal, haram dan syubhah. Ketiga-ketiga istilah ini mempunyai kaitan antara satu sama lain iaitu sebagai penanda aras Syariah kepada makanan, minuman dan lain-lain produk pengguna. Tajuk kecil di bawah akan membincangkan ketiga aspek ini secara lebih terperinci yang merangkumi dari segi definisi, kriteria dan aplikasi.

Definisi Halal

Perkataan halal berasal daripada kata dasar bahasa Arab *ḥalla*, *yaḥillu*, *ḥillān* yang bermaksud keluar dari sesuatu yang haram iaitu yang ditegah atau dilarang. Oleh yang demikian halal bererti sesuatu yang harus dan tidak dihalang oleh Allah.²⁴ Pengertian bahasa ini hampir sama

¹⁹ Muhammad Razi, “Personal Laws”, dalam *Encyclopaedia of Islamic Jurisprudence* (New Delhi: Anmol Publications PVT. LTD., 2007), 2: 155.

²⁰ Md. Uqbah al-Nafiq, *Halal dan Haram dalam Pemakanan* (Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1998), 49.

²¹ Chia Joo Suan, *Eat Well, Live Well: Your Healthy Lifestyle Guide* (Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd., 2009), xi.

²² Sebagai contoh fatwa oleh A. Hasan Bandung pada masa dahulu tentang hukum makanan tertentu dan juga fatwa tentang sembelihan orang Kristian dan Yahudi pada masa sekarang. Lihat A. Hassan et al., *Soal-Jawab Tentang Berbagai Masalah Agama* (Bandung: CV Diponegoro, 1997), 32-39 dan 407-412.; lihat juga A. Hassan, *Tarjamah Bulughul Maram* (Bandung: CV Diponegoro, 1999), 38.; lihat juga Ahmad al-Hajī al-Kurdī, “Tanāwalu Dhabīḥah al-Masīḥī allatī lam Tadhbiḥ Dhabḥan Shar’iyyan”, laman sesawang *Shabkah al-Fatāwa al-Shar’iyyah*, dicapai 25 Februari 2014, <http://www.islamic-fatwa.com/fatawa/index.php?module=fatwa&id=1295>.

²³ Konsep merupakan pendapat yang terbentuk dalam fikiran mengenai sesuatu, tanggapan, gagasan mahupun idea. Lihat al-Tahānawī, *Kashāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn* (Tehran: Maktabah Khayām wa Sharakāhu, 1947), 2:1154 dan *Kamus Dewan*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 601, entri “konsep”.

²⁴ Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab* (Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2003), 13:175 dan 177; lihat juga Jubrān Mas’ūd, *al-Rāid* (Beirut: Dār al-‘Ilm lil Malāyin, 1990), 1:573.; lihat juga Ibrāhīm Muṣṭafā et al., *al-Mu’jam al-Wasīṭ*

dengan maksud istilah iaitu sesuatu yang dibenarkan Syarak,²⁵ bukan sesuatu yang haram serta bersifat pilihan²⁶ iaitu boleh melakukan atau meninggalkannya dan dengan tidak menjadi satu kesalahan atau dosa yang mengakibatkan siksaan di hari akhirat jika melakukannya.²⁷ Dari sudut ini perkataan halal hampir sama pengertiannya dengan istilah harus atau *ibahah* atau *mubah* dalam konteks pengajian Usul al-Fiqh dan lazim diterjemahkan sebagai *permissible* di dalam bahasa Inggeris yang menunjukkan konotasi kebebasan untuk memilih melakukan atau meninggalkan perbuatan berkenaan (*ikhtiyar*).²⁸ Sungguhpun demikian maksud mubah adalah meluas yang juga merangkumi hukum wajib, sunat, makruh dan harus.²⁹

Menurut pandangan ahli Usul al-Fiqh seperti Shawkani (m. 1250H/1834M) dan Zarkashi (m. 794H/1392M) pengertian *mubah* adalah sama dengan halal iaitu sesuatu yang dibenarkan untuk melakukannya atau meninggalkannya, tidak mendapat pujian serta tidak mendatangkan mudarat jika dilakukan atau ditinggalkan.³⁰ Keadaan ini dijelaskan sendiri oleh al-Quran dalam konteks pemburuan ketika berihram di dalam Surah al-Ma'idah ayat 1 dan 2 di mana apabila selesai daripada berihram maka seseorang itu bebas atau menjadi halal kepadanya sama ada untuk berburu ataupun tidak. Ahli tafsir bersepakat bahawa maksud halal di dalam ayat al-Quran seperti di atas adalah harus.³¹ Pandangan ini dijelaskan oleh sarjana Islam moden bahawa halal adalah perkara yang diharuskan yang mana ianya telah terurai dari ikatan atau simpulan bahaya atau larangan dan perbuatannya diizinkan oleh Syariat.³² Daripada perbincangan di atas istilah atau perkataan halal boleh membawa dua maksud iaitu yang merujuk kepada perbuatan seseorang itu sama ada harus atau sebaliknya dan kepada penggunaan sesuatu sama ada makanan, minuman dan sebagainya yang mana kedua-duanya ditentukan oleh nas-nas Syarak termasuk juga dalil-dalil *naqli*.³³

Definisi Haram

Perkataan haram berasal dari kata kerja bahasa Arab *haruma*, *yaħrumu*, *ħurman*, *ħarāman* yang bermaksud sesuatu yang dilarang³⁴ atau ditegah.³⁵ Dari sudut istilah pula haram adalah sesuatu perbuatan yang dikeji oleh Syarak³⁶ dan dituntut untuk meninggalkannya secara

-
- (Istanbul: Dār al-Da'wah, 1989), 1:193-194.; lihat juga Ahmad al-'Ayid et al., *al-Mu'jam al-'Arabi al-Asāsi* (t.tp.: al-Munazamah al-'Arabiyyah lil Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1989), 346.
- ²⁵ Sa'dī Abu Ḥabīb, *al-Qāmūs al-Fiqhī Lughah wa Iṣṭilāhān* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1988), 1:99-100.
- ²⁶ al-Fayūmī, *al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Sharāḥ al-Kabīr* (Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, t.t), 1:147.; lihat juga al-Juwaynī, *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 1:108.
- ²⁷ Aznan, "Shariah Principles".
- ²⁸ al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 1:40.
- ²⁹ al-Bahūtī, *Kashāf al-Qinā' 'an Matan al-Iqnā'* (Beirut: Dār al-Fikr, 1982), 1:13.; lihat juga Ibn al-Najjar, *Sharāḥ Kawakib al-Munīr* (Kaherah: Maṭba'ah al-Sunnah al-Muḥammadiyah, 1953), 132.
- ³⁰ Shawkani, *Irshād al-Fuḥūl ila Tahqīq al-Haq min al-Uṣūl* (Mesir: Dār al-Salām, 1998), 1:52.; lihat juga Zarkashī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh* (t.tp.: Dār al-Kitabī, 1994), 1:364.
- ³¹ al-Qurṭubī, *al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān* (Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, 2011) 3:314 dan Ibn Ḥazm, *al-Ihkām fī Uṣūl al-Ahkām* (Beirut: Dār al-Afāq al-Jadīdah, 1983) 3:11.
- ³² Yusuf al-Qaradawī, *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fil Islām* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1977), 14 dan Mohamad Hashim Kamali, "The Principles of Halal and Haram in Islam", dalam *The Essence of Halal*, ed. Halal Industry Development Corporation (HDC) (Kuala Lumpur: MDC Publisher Sdn Bhd, 2011), 20.
- ³³ Mohamad Sofee Razak, "Akta Halal Perlu Diwujudkan dan Digubal di Malaysia", *Kanun: Jurnal Undang-Undang* 22 (2010): 2.
- ³⁴ Jubrān Mas'ūd, *al-Rā'id*, 562.; lihat juga Ibrāhīm, *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, 168-169.; lihat juga Quṭub Muṣṭafā Sānū, *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, 2000), 171.
- ³⁵ Ibn Manzūr, *Lisān al-'Arab*, 15:9.; lihat juga Ahmad al-'Ayid, *al-Mu'jam al-'Arabi*, 310.; lihat juga Wizārah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2007), 17:183.
- ³⁶ Ibn al-Najjar, *Sharāḥ Kawakib*, 120.

jelas oleh nas Syarak dan ia adalah sesuatu yang mengikat.³⁷ Menurut pandangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah (m. 751H/1350M), haram adalah suatu larangan atau tegahan yang nyata larangan atau tegahannya yang mana perbuatannya mendapat amaran dan ancaman.³⁸ Ibn Ḥazm (m. 456H/1064M) pula berpendapat haram adalah meninggalkan perkara yang dilarang kerana kepatuhan dan ketaatan kepada Allah SWT.³⁹

Seperti halal, skop haram juga menyeluruh dan merangkumi semua aspek dalam kehidupan manusia termasuklah dalam aspek makanan⁴⁰ seperti daging, sembelihan dan sebagainya. Menurut pendapat yang telah disepakati oleh fuqaha' empat mazhab utama, hukum asal bagi daging dan sembelihan adalah haram (الأصل في اللحوم والذبائح التحريم),⁴¹ melainkan diyakini bahawa daging itu bersumber daripada binatang yang disembelih dengan menepati hukum Syarak maka barulah ia dikira halal. Kaedah ini merupakan sebagai langkah berhati-hati dalam konteks daging binatang di darat yang hendak dibuktikan terlebih dahulu kehalalannya sama ada dari sudut binatang tersebut harus dimakan dagingnya dan juga dari sudut sembelihannya. Manakala haiwan di laut serta air telah jelas kehalalannya melalui hadith Rasulullah S.A.W. yang menyatakan air laut itu bersih dan halal dagingnya.⁴² Tambahan pula perkara yang dikategorikan sebagai haram atau dilarang adalah kecil jumlahnya berbanding halal.⁴³ Ini kerana di dalam kaedah fiqhiyyah hukum sesuatu itu kekal mengikut hukumnya yang asal dan tidak akan berubah hukumnya sehingga ada dalil yang menunjukkan perubahan tersebut (الأصل بقاء ما كان على ما كان).⁴⁴ Dan lagi menurut ilmu Usul Fiqh, sesuatu itu hanya akan disabitkan haram apabila terdapat dalil yang jelas menyatakan larangan, tegahan dan pengharamannya di dalam al-Quran dan al-Hadith.⁴⁵ Berdasarkan pengertian dan penjelasan di atas dapat disimpulkan bahawa haram merupakan suatu larangan yang ditetapkan secara jelas oleh Syarak.

Definisi Syubhah

Sebagaimana yang dijelaskan di atas, halal dan haram merupakan persoalan yang jelas kedudukannya di dalam Syarak, berbeza dengan syubhah yang mana kedudukannya tidak jelas dan samar. Keadaan ini disebutkan di dalam sebuah hadith riwayat Bukhari di mana Rasulullah SAW bersabda:

الْحَلَالُ بَيْنَ وَبَيْنَ وَالْحَرَامُ بَيْنَ وَبَيْنَهُمَا مُشَبَّهَاتٌ لَا يَعْلَمُهَا كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ.

³⁷ Abdul Azis Dahlan et al., *Ensiklopedi Hukum Islam* (Jakarta: PT Ichtiar Baru van Hoeve, 2006), 2:523.

³⁸ Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *Badā'i al-Fawā'id* (Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, t.t), 4:3.

³⁹ Ibn Ḥazm, *al-Ihkām*, 3:321.

⁴⁰ Wahbah al-Zuhayli, *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2005), 1:87.; lihat juga Hashim, "The Principles of Halal", 30.

⁴¹ Ibn 'Ābidīn, *Radd al-Muhtār 'ala al-Durr al-Mukhtār* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1992), 6:429.; lihat juga al-Shātibī, *al-Muwāfaqāt*, 401.; lihat juga al-Nawawi, *al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab* (Kaherah: Matba'at al-'Āshimah, 1966), 9:8.; lihat juga Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lām al-Muwaqq'in 'an Rabb al-'Ālamīn* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2004), 1:339-340.

⁴² 'Ali bin 'Umar al-Daraqutni, "Kitab al-Ṭaharah", *Sunan al-Daraqutni*, no. Hadis 64. (Riyad: Dār al-Mu'ayyad, 2001), 1: 96.

⁴³ Anas Mohd Yunus, Wan Mohd Yusof Wan Chik and Mahani Mohamad, "The Concept of Halalan Tayyiba and Its Application in Products Marketing: A Case Study at Sabasun HyperRuncit Kuala Terengganu, Malaysia", *International Journal of Business and Social Science* 1 (2010): 241.

⁴⁴ Ahmad ibn Muḥammad al-Zarqā, *Sharḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (Damshiq: Dār al-Qalam, 2009), 87.

⁴⁵ Anas, Wan Mohd and Mahani, "The Concept of Halalan Tayyiba"; lihat juga Lokman Ab. Rahman, "Shariah & Malaysian Halal Certification System", *Jurnal Penyelidikan Islam* 18 (2005): 21.

Terjemahannya: “Yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas, dan di antara keduanya terdapat perkara syubhah yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia.”⁴⁶

Perkataan syubhah berasal dari kata dasar bahasa Arab *syibhu*, *syabahu* dan *syabīhu* (شَيْبُهُ، شَيْبُهُ، شَيْبُهُ)⁴⁷ dan kata jama'nya adalah *syubuhāt* (شُبُهَاتٌ) dan *syubah* (شُبُهَةٌ)⁴⁸ yang bermaksud kesamaran⁴⁹ dan diragui.⁵⁰ Ibn Manzūr (m. 711H/1311M) mendefinisikan syubhah sebagai menyerupai, menyamai, samar atau tidak jelas.⁵¹ Manakala dari sudut terminologinya, syubhah bermaksud sesuatu perkara yang samar dan tidak diketahui sama ada ianya halal atau haram, hak atau batil,⁵² malah ditakuti hakikatnya dan disyaki padanya.⁵³ Imam al-Ghazali (m. 505H/1111M) menjelaskan syubhah adalah sesuatu perkara yang samar dan tidak jelas disebabkan terdapat dua bentuk keyakinan yang bertentangan yang mana timbul akibat dua faktor yang berbeza.⁵⁴ Menurut Jurjani (m. 816H/1413M) syubhah diertikan sebagai sesuatu yang tidak diyakini kedudukannya sama ada halal atau haram.⁵⁵ Perkara syubhah merupakan hasil daripada keserupaan di antara dua perkara yang mana telah bercampur sehingga sukar untuk dibezakan antara salah satu di antara keduanya.⁵⁶

Memandangkan kesempurnaan peribadi dan kebersihan jiwa adalah penting di dalam Islam maka perkara syubhah hendaklah dijauhi kecuali ketika darurat.⁵⁷ Ini adalah kerana dikhuatiri perkara syubhah ini akan menyebabkan seseorang itu terjerumus kepada perkara atau perbuatan haram.⁵⁸ Namun yang paling utama kerana perkara ini telah ditegaskan di dalam sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī:

وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ كَرَاعٍ يَرَعَى حَوْلَ الْحِمَى يُوشِكُ أَنْ يُوَاقِعَهُ. أَلَا وَإِنَّ
لِكُلِّ مَلِكٍ حِمَى، أَلَا إِنَّ حِمَى اللَّهِ فِي أَرْضِهِ مَحْرَمَةٌ. أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ
مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا
وَهِيَ الْقَلْبُ.

Terjemahannya: “Dan barangsiapa yang terjerumus dalam syubhah, maka ia seperti penggembala di sekitar tanah larangan, nyaris-nyaris ia terjerumus ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja mempunyai tanah larangan, dan ketahuilah sesungguhnya tanah larangan Allah s.w.t adalah perkara

⁴⁶ al-Bukhārī, “Kitab al-Īman”, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. Hadis 52. (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1981), 23.

⁴⁷ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 57:503.

⁴⁸ Ahmad al-‘Ayid, *al-Mu’jam al-‘Arabi*, 668.

⁴⁹ Ibrāhīm, *al-Mu’jam al-Wasīṭ*, 471.; lihat juga Jubrān, *al-Rāid*, 863.

⁵⁰ Quṭub, *Mu’jam Muṣṭalahāt*, 242.

⁵¹ Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 398.

⁵² Ibrāhīm, *al-Mu’jam al-Wasīṭ*, 471.

⁵³ Quṭub, *Mu’jam Muṣṭalahāt*, 242.

⁵⁴ al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, (t.t)), 2:92.

⁵⁵ al-Jurjānī, *al-Ta’rīfāt* (Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000), 127.

⁵⁶ Suhaimi, Jafri dan Aizat, “Aplikasi Konsep Syubhah”, 115-116.

⁵⁷ Sazelin Arif, “Konsep *Halalan Tayyiban* dari Perspektif *Maqasid al-Shariah* dan Aplikasinya dalam Prosedur Penentuan Makanan Halal di Malaysia” (Tesis Kedoktoran Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, 2012), 50.; lihat juga Fischer, “The Halal Frontier”, 10 dan Suhaimi, Jafri dan Aizat, “Aplikasi Konsep Syubhah”, 113.

⁵⁸ Nordin, “Persepsi Persatuan Pengguna”, 97.

yang diharamkanNya. Ketahuilah bahawa di dalam tubuh ada segumpal daging. Apabila daging itu baik, maka seluruh tubuh itu baik; dan apabila segumpal daging itu rosak, maka rosaklah seluruh tubuhnya. Ketahuilah, dia itu adalah hati.”⁵⁹

Oleh itu, Islam amat menuntut umatnya agar berhati-hati dan menjauhi perkara syubhah agar bebas dari kecaman dan kebinasaan sekaligus dapat memelihara akidah serta kehormatan.

PRINSIP UMUM MAKANAN HALAL DAN HARAM

Berasaskan kepada penjelasan yang didasari kepada nas-nas al-Quran, al-Hadith, Qiyas dan kaedah fiqhiyyah serta alasan-alasan saintifik di atas, para ulama telah menyusun beberapa prinsip umum sebagai asas penentuan halal dan haram sesuatu jenis makanan. Penentuan tersebut adalah seperti berikut:

1. Hukum asal bagi segala jenis makanan adalah halal kecuali ada dalil yang menunjukkan makanan tersebut haram⁶⁰ seperti babi, anjing dan seumpamanya. Berdasarkan prinsip ini, mana-mana makanan yang tidak dinyatakan sebarang dalil halal atau haramnya adalah tergolong sebagai halal.
2. Semua binatang ternakan yang biasanya ditenak oleh manusia halal dimakan⁶¹ sama ada jinak atau liar adalah halal, manakala haiwan yang dikategorikan sebagai haiwan buas sama ada jinak atau liar adalah haram.⁶²
3. Makanan yang dimakan oleh orang Arab dan menjadi adat kebiasaan mereka adalah halal selagi mana tidak ada dalil yang mengharamkannya. Manakala makanan yang tidak dimakan oleh mereka kerana menjijikkan atau dianggap jijik adalah haram.⁶³
4. Semua haiwan buas yang mempunyai taring yang kuat digunakan untuk menyerang mangsanya dan semua burung yang berkuku tajam adalah haram.⁶⁴ Seperti anjing, serigala, beruang, kucing, gajah, harimau belang, harimau kumbang, monyet, helang dan seumpamanya.
5. Semua haiwan yang digalakkan dan disunatkan oleh Rasulullah untuk dibunuh adalah haram dimakan,⁶⁵ serta binatang yang mempunyai sengat dan beracun seperti ular, kala jengking, gagak, helang, tikus.⁶⁶
6. Semua binatang kecil dan serangga seperti semut, lalat, lipas dan sebagainya adalah haram kerana menjijikkan.⁶⁷ Semua jenis serangga atau binatang kecil dan halus yang berkeliaran di atas bumi dan dipandang jijik seperti semut, lalat, kutu, lipas dan seumpamanya adalah haram.
7. Haiwan yang lahir hasil kacukan (daripada) binatang yang halal dan haram adalah haram.⁶⁸

⁵⁹ al-Bukhārī, “Kitab al-Īman”, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, no. Hadis 52.

⁶⁰ al-Shāfi’ī, *al-Umm* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1982), 2: 214.

⁶¹ al-Sarkhasī, *al-Mabsūṭ: al-Muḥṭawī ‘ala Ṣaḥīḥ al-Riwāyah lil-Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1989), 11: 220.

⁶² Ibn ‘Ābidīn, *Ḥāshiyah Radd al-Muḥṭār ‘ala al-Dur al-Mukhtar* (Mesir: Muṣṭafa al-Bāb al-Halabi, 1966), 2: 306.

⁶³ al-Nawawī, *Minḥāj al-Ṭālibīn wa’Umdah al-Muṭfīn* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 143.; lihat juga Muṣṭafa al-Khin dan Muṣṭafa al-Bughā, *al-Fiqh al-Manhajī* (Damshiq: Dār al-Qalam, 1996), 1: 397-399.

⁶⁴ al-Nawawī, *Majmu’ Sharḥ*, 14.; lihat juga al-Khin dan al-Bughā, *al-Fiqh al-Manhajī*, 499-500.

⁶⁵ al-Nawawī, *Minḥāj al-Ṭālibīn*, 143.; lihat juga al-Nawawī, *Majmu’ Sharḥ*, 25.

⁶⁶ al-Khin dan al-Bughā, *al-Fiqh al-Manhajī*, 502.

⁶⁷ al-Nawawī, *Majmu’ Sharḥ*, 15.

⁶⁸ al-Nawawī, *Majmu’ Sharḥ*, 27.

8. Haiwan laut yang hanya hidup dalam air adalah halal, manakala haiwan yang hidup dua alam di darat dan air adalah haram,⁶⁹ seperti katak dan buaya.
9. Setiap makanan dan minuman yang mengandungi racun atau berbahaya adalah haram. Demikian juga dengan makanan yang najis atau bercampur dengan benda-benda yang haram atau haiwan yang kebanyakan makanannya berupa benda-benda yang najis adalah haram.⁷⁰ Segala makanan yang memudaratkan, beracun, kotor dan memudaratkan jika dimakan adalah haram.⁷¹
10. Setiap minuman yang memabukkan sama ada sedikit atau banyak adalah haram.⁷²
11. Semua tumbuh-tumbuhan yang hidup di dalam air dan di darat sama ada melata di bumi atau tidak, halal dimakan buah, daunnya, batang dan akar selagi ia memberi manfaat dan faedah kepada tubuh badan dan tidak memberi kemudatan.⁷³

Prinsip-prinsip di atas menunjukkan bahawa asas utama dalam menentukan makanan halal dan haram adalah bercirikan makanan yang bersih, baik dan berkhasiat. Namun begitu ini tidak bermaksud ciri-ciri lainnya diketepikan atau tidak diambil kira tambahan pula terdapat banyak khilaf ulama di dalam prinsip penentuan ini sendiri. Hal ini berlaku kerana terdapat beberapa metode sandaran lain yang digunakan untuk menentukan prinsip-prinsip tersebut, seperti *al-ijma'*, *al-qiyās*, *maṣlahah mursalah*, *sadd al-dharā'i*, *'uruf*, *qawl al-ṣaḥābī* dan seumpamanya selain daripada menggunakan al-Quran dan as-Sunnah sebagai rujukan utama. Ditambah lagi dengan latar belakang pengguna Muslim yang terdiri dari pelbagai bangsa, budaya, adat, persekitaran dan cita rasa yang berbeza menyukarkan lagi usaha penyeragaman dan penentuan prinsip makanan halal yang bersifat terperinci. Walaupun prinsip-prinsip utama yang digariskan ini bersifat umum, namun ia telah membantu dan memudahkan pengguna Muslim dalam pemilihan dan pengambilan makanan harian, tambahan pula kriteria yang digariskan di dalam prinsip tersebut tidak bercanggah dengan al-Quran dan as-Sunnah.

GARIS PANDUAN HALAL MENGIKUT UNDANG-UNDANG

Oleh kerana dasar penentuan halal sesuatu produk makanan seperti di atas adalah penerangan fiqh, maka bagi tujuan pelaksanaan dalam sesebuah negara ianya perlu diterjemahkan ke dalam bentuk undang-undang supaya lebih khusus dan mudah dirujuk. Di Malaysia penjelasan mengenai halal dan haram sesuatu produk makanan dan pengguna telah diperuntukan di dalam Akta Perintah Perihal Dagangan 2011 yang dinyatakan di dalam dua perundangan subsidiarinya iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011.⁷⁴ Di dalam Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 menjelaskan bahawa penggunaan logo halal atau apa sahaja ungkapan lain yang menunjukkan makanan atau barang-barang itu boleh dimakan atau digunakan oleh orang Islam adalah bersifat voluntari. Peniaga tidak diwajibkan untuk meletakkan dan menggunakannya pada produk makanan dan barangan di premis perniagaan mereka. Peruntukan ini mentakrifkan halal sebagai:

- (a) Bukanlah dan tidaklah terdiri daripada atau mengandungi apa-apa bahagian atau benda daripada binatang yang dilarang oleh Hukum Syarak bagi orang Islam untuk memakannya atau yang tidak disembelih mengikut Hukum Syarak;

⁶⁹ al-Nawawi, *Minhāj al-Ṭālibīn.*; lihat juga al-Nawawi, *Majmu' Sharh*, 25.

⁷⁰ al-Nawawi, *Minhāj al-Ṭālibīn.*; lihat juga al-Nawawi, *Majmu' Sharh*.

⁷¹ al-Nawawi, *Majmu' Sharh*, 28.

⁷² al-Shāfi'ī, *al-Umm*, 2: 216-217.

⁷³ al-Shāfi'ī, *al-Umm*, 209 & 216.

⁷⁴ Akta Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal), 2011, (Seksyen 28).

- (b) Tidak mengandungi apa-apa benda yang najis mengikut Hukum Syarak;
- (c) Tidak memabukkan mengikut Hukum Syarak;
- (d) Tidak mengandungi mana-mana bahagian anggota manusia atau hasil daripadanya yang tidak dibenarkan oleh Hukum Syarak;
- (e) Tidak beracun atau memudaratkan kesihatan;
- (f) Tidak disediakan, diproses atau dikilang menggunakan apa-apa peralatan yang dicemari najis mengikut Hukum Syarak; dan
- (g) Tidaklah dalam masa menyediakan, memproses atau menyimpannya bersentuhan, bercampur atau berdekatan dengan apa-apa makanan yang gagal memenuhi perenggan (a) dan (b).

Apabila perkhidmatan berhubung dengan makanan atau barang-barang, termasuk pengangkutan, penyimpanan dan pemprosesan bahan mentah, penyajian dan peruncitan makanan atau barang-barang tersebut diperihalkan sebagai halal, ungkapan tersebut bererti perkhidmatan itu dijalankan mengikut Hukum Syarak.”

Daripada peruntukan di atas jelas menunjukkan bahawa kehalalan dan keharaman sesuatu makanan itu bukan hanya merujuk kepada bahan makanan itu sahaja seperti daging, kulit, lemak dan sebagainya, namun juga merujuk kepada kaedah-kaedah memproses dan penggunaan peralatan yang tidak boleh dicemari oleh bahan-bahan larangan atau haram yang dianggap najis. Seinggakan peruntukan ini menyebut bahawa sesuatu perkhidmatan akan disifatkan sebagai halal hanyalah apabila keseluruhan tata prosesnya iaitu dari fasa pemilihan sumber bahan mentah hinggalah kepada fasa peruncitannya mestilah mengikut hukum Syarak. Peruntukan tersebut diperkemas lagi melalui Perintah Perihal Dagangan (Perakuan Dan Penandaan Halal) 2011 yang menyebut bahawa semua makanan, barang-barang atau perkhidmatan tidak boleh diperihalkan sebagai halal melainkan jika:

- (a) Diperakukan sebagai halal oleh pihak berkuasa berwibawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) / Majlis Agama Islam Negeri (MAIN); dan
- (b) Ditandakan dengan logo yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berwibawa (JAKIM/MAIN).

Ini menguatkan lagi jaminan halal pada sesuatu produk makanan selain dari dapat mengelakkan berlakunya kekeliruan pada pengguna. Perkara ini turut dijelaskan melalui fatwa yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia berkaitan garis panduan mengenai penyediaan makanan halal⁷⁵ serta status kesucian sesuatu makanan⁷⁶ yang sekaligus menunjukkan keutamaan tata proses yang bersifat halal dalam menghasilkan produk makanan. Perkhidmatan yang bersifat halal ini dipandang lebih serius pada masa sekarang berikutan perkembangan pesat teknologi semasa yang menyebabkan keraguan bukan hanya pada hasil akhir sesuatu produk malahan juga berlaku semasa fasa pemprosesan dan perkara ini menjadi satu bentuk cabaran terutama kepada badan yang bertanggungjawab terhadap perkara yang berkaitan dengan halal.

⁷⁵ e-Fatwa, “Garis Panduan Mengenai Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian Dan Penyimpanan Makanan Halal”, laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 25 Februari 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/garis-panduan-mengenai-pengeluaran-penyediaan-pengendalian-dan-penyimpanan-makanan>.

⁷⁶ e-Fatwa, “Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal”, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/status-kesucian-ikan-yang-diberi-makanan-tidak-halal>.

KESIMPULAN

Konsep halal merupakan suatu garis panduan yang bersifat global, praktikal dan selari dengan fitrah manusia yang memelihara dan mementingkan aspek keselamatan, kesucian, kualiti dan mutu produk. Konsep ini tidak hanya terbatas kepada halal dan haram semata-mata, bahkan perkara syubhah juga termasuk dan perlu diambil kira untuk dihindari dan dijauhi sebagai langkah memelihara dan berhati-hati dari perkara haram. Sifatnya yang umum dan meluas membolehkan ia diterima pakai oleh semua masyarakat tanpa mengira agama, budaya, bangsa dan negara. Namun dalam masa yang sama keumumannya ini telah mendatangkan kesukaran ke atas pengguna untuk menentukan kriteria makanan halal, sehinggalah para ulama mengkhususkannya dengan menetapkan beberapa dasar prinsip makanan halal bagi membantu dan memudahkan pengguna, malah dalam penetapan prinsip makanan halal itu sendiri telah berlakunya perbezaan pendapat di kalangan ulama. Walaupun begitu, ia tidak menimbulkan kekeliruan dan masalah yang serius kerana perbezaan pendapat ini berlaku terhadap pecahan-pecahan kecil prinsip, bukan pada asas prinsip penentuan halal.

RUJUKAN

- ‘Ali bin ‘Umar al-Daraqutni. “Kitab al-Ṭaharah”. *Sunan al-Daraqutni*. Riyad: Dār al-Mu’ayyad, 2001, 1: 96.
- A. Hassan, Moh Ma’sum dan Mahmud Aziz. *Soal-Jawab Tentang Berbagai Masalah Agama*. Bandung: CV Diponegoro, 1997.
- A. Hassan. *Tarjamah Bulughul Maram*. Bandung: CV Diponegoro, 1999.
- Abdul Azis Dahlan et al. *Ensiklopedi Hukum Islam*. Jakarta: PT Ihtiar Baru van Hoeve, 2006.
- Ahmad al-‘Ayid et al. *al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asāsi*. t.tp.: al-Munazamah al-‘Arabiyyah lil Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm, 1989.
- Ahmad al-Ḥajī al-Kurdī. “Tanāwalu Dhabīḥah al-Masīḥī allatī lam Tadhbiḥ Dhabḥan Shar’iyyan”, laman sesawang *Shabkah al-Fatāwa al-Shar’iyyah*, dicapai 25 Februari 2014, <http://www.islamic-fatwa.com/fatawa/index.php?module=fatwa&id=1295>.
- Ahmad ibn Muḥammad al-Zarqā. *Sharaḥ al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*. Damshiq: Dār al-Qalam, 2009.
- Akta Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal), 2011. Seksyen 28.
- al-Bahūtī, Maṣṣūr bin Yūnus bin Idrīs. *Kashāf al-Qinā’ ‘an Matan al-Iqnā’*. Beirut: Dār al-Fikr, 1982.
- al-Bukhārī, Abī ‘Abdullah Muḥammad ibn Ismā’īl ibn Ibrāhīm. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1981, 23.
- al-Fayūmī, Ahmad bin Muḥammad bin ‘Ali. *al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Sharaḥ al-Kabīr*. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah, t.t.
- al-Ghazālī, al-Imām Abī Ḥāmid Muḥammad ibn Muḥammad. *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Ma’rifah, t.t.
- al-Jurjānī, Abī al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin ‘Alī al-Ḥusaynī. *al-Ta’rīfāt*. Beirut: Dār Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000.
- al-Juwaynī, ‘Abd al-Malik bin ‘Abdullah. *al-Burhān fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.
- al-Nawawī, Abī Zakariyā Yaḥya Ibn Sharaf al-Nawawī. *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhdhab*. Kaherah: Matba’at al-‘Āṣimah, 1966.
- al-Nawawī, Abī Zakariyā Yaḥya Ibn Sharaf al-Nawawī. *Minḥāj al-Ṭālibīn wa’Umdah al-Muftīn* (Beirut: Dār al-Fikr, t.t.), 143.

- al-Qurṭubī, Abī al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Umar bin Ibrāhīm. *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qurān*. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2011.
- al-Qurṭubī, Abī al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Umar bin Ibrāhīm. *al-Mufhim Li Mā Ashkal Min Talkhīṣ Kitāb Muslim*. Beirut: Dār Ibn Kathīr, t.t.
- al-Sarkhasī, Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Sahl. *al- Mabsūṭ: al-Muḥtawī ‘ala Zāhīr al-Riwāyah lil-Muḥammad ibn al-Ḥasan al-Shaybānī*. Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1989.
- al-Shāfi’ī, Abī ‘Abdullāh Muḥammad Ibn Idrīs. *al-Umm*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1982.
- al-Shāṭibī, Abū Ishāq Ibrāhīm Ibn Mūsa al-Lakhamī al-Gharnāṭī al-Māliki. *al-Muwāfaqāt fi Uṣūl al-Sharī’ah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1997.
- al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Ali bin Muḥammad. *Irshād al-Fuḥūl ila Taḥqīq al-Ḥaq min al-Uṣūl*. Mesir: Dār al-Salām, 1998.
- al-Tahānawī, Muḥammad A’la ibn ‘Ali. *Kashāf Iṣṭilāḥāt al-Funūn*. Tehran: Maktabah Khīyām wa Sharakāhu, 1947.
- al-Zarkashī, Abū ‘Abdullah Badr al-Dīn Muḥammad bin ‘Abdullah bin Bahādir. *al-Baḥr al-Muḥīt fi Uṣūl al-Fiqh*. t.tp.: Dār al-Kitabī, 1994.
- Anas Mohd Yunus, Wan Mohd Yusof Wan Chik and Mahani Mohamad. “The Concept of Halalan Tayyiba and Its Application in Products Marketing: A Case Study at Sabasun HyperRuncit Kuala Terengganu, Malaysia.” *International Journal of Business and Social Science* 1 (2010): 239-248.
- Andrew J. Clifford. “The Whole Animal As an Analytical Tool.” Dlm *Food Analysis: Principles and Techniques*, Dieter W. Gruenwedel and John R. Whitaker (Ed), 1-34. New York: Marcel Dekker, inc., 1985.
- Anisah Ab. Ghani. “Kebersihan dan Keselamatan Makanan dari Perspektif Halal.” *Jurnal Halal* (2008): 37-52.
- Aznan Hasan. “Shariah Principles in Halal Products.” *Shariah Law Reports* 2 (2011): atp. xxix.
- Chia Joo Suan. *Eat Well, Live Well: Your Healthy Lifestyle Guide*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd., 2009.
- e-Fatwa, “Garis Panduan Mengenai Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian Dan Penyimpanan Makanan Halal”, laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 25 Februari 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/garis-panduan-mengenai-pengeluaran-penyediaan-pengendalian-dan-penyimpanan-makanan>.
- e-Fatwa, “Status Kesucian Ikan Yang Diberi Makanan Tidak Halal”, laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, dicapai 25 Februari 2014, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/status-kesucian-ikan-yang-diberi-makanan-tidak-halal>.
- Hartmut Schneider. *Meeting Food Needs in a Context of Change*. Paris: Development Centre Studies, 1984.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn bin ‘Umar. *Ḥāshiyah Radd al-Muḥtār ‘ala al-Dur al-Mukhtar*. Mesir: Muṣṭafa al-Bāb al-Halabi, 1966.
- Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn bin ‘Umar. *Radd al-Muḥtār ‘ala al-Durr al-Mukhtar*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1992.
- Ibn al-Najjar, Taqiyuddīn Abū al-Baqā’ Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Alī al-Futūḥī. *Sharah Kawakib al-Munīr*. Kaherah: Maṭba’ah al-Sunnah al-Muḥammadiyah, 1953.
- Ibn Ḥazm, Abī Muḥammad ‘Alī bin Aḥmad bin Sa’īd. *al-Iḥkām fi Uṣūl al-Aḥkām*. Beirut: Dār al-Afāq al-Jadīdah, 1983.
- Ibn Manzūr, Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukarram al-Anṣārī. *Lisān al-‘Arab*. Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub, 2003.

- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abī Abdullah Muḥammad bin Abī Bakar. *Badā'i al-Fawā'id*. Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabī, t.t.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Abī Abdullah Muḥammad bin Abī Bakar. *I'lām al-Muwaqq'in 'an Rabb al-'Ālamīn*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2004.
- Ibrāhīm Muṣṭafā et al. *al-Mu'jam al-Wasīf*. Istanbul: Dār al-Da'wah, 1989.
- Jemāl Nath, Julie Henderson, John Coveney and Paul Ward. "Consumer Faith: An Exploration of Trust in Food and The Impact of Religious Dietary Norms and Certification." *Food, Culture and Society* 16 (2013): 421-436.
- John Yudkin. "The Need for Change." Dlm *Changing Food Habits*, John Yudkin and J. C. McKenzie (Ed), 15-24. London: Macgibbon & Lee LTD., 1964.
- Jubrān Mas'ūd. *al-Rā'id*. Beirut: Dār al-'Ilm lil Malāyin, 1990.
- Kamus Dewan*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Lewis Ma'lūf al-Yāshū'ī. *al-Munjid fi Lughah wa al-Adab wa al-'Ulum*. Beirut: al-Maṭba'ah al-Khathulikiyyah, 1908.
- Lokman Ab. Rahman. "Shariah & Malaysian Halal Certification System." *Jurnal Penyelidikan Islam* 18 (2005): 15-35.
- Marco Tieman. "The Application of Halal in Supply Chain Management: In-depth Interviews." *Journal of Islamic Marketing* 2 (2011): 186-195.
- Md. Uqbah al-Nafiq. *Halal dan Haram dalam Pemakanan*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, 1998.
- Mohamad Hashim Kamali. "The Principles of Halal and Haram in Islam." Dlm *The Essence of Halal*, Halal Industry Development Corporation (HDC) (Ed), 10-55. Kuala Lumpur: MDC Publisher Sdn Bhd, 2011.
- Mohamad Sofee Razak. "Akta Halal Perlu Diwujudkan dan Digubal di Malaysia." *Kanun: Jurnal Undang-Undang* 22 (2010): 1-13.
- Mohammad Mazhar Hussaini and Ahmad Hussein Sakr. *Islamic Dietary Laws and Practices*. USA: The Islamic Food and Nutrition Council of America, 1984.
- Muhammad Razi. *Encyclopaedia of Islamic Jurisprudence*. New Delhi: Anmol Publications PVT. LTD., 2007.
- Muṣṭafa al-Khin dan Muṣṭafa al-Bughā. *al-Fiqh al-Manhajī*. Damshiq: Dār al-Qalam, 1996.
- Noorfazreen Mohd Aris dan Asmak Ab Rahman. "Pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan di Malaysia: Kajian Daripada Perspektif Ekonomi Malaysia." *Jurnal Syariah* 19 (2011): 39-62.
- Norkumala Awang. "Pandangan Hidup Islam dan Budaya Pemakanan Masa Kini." Dlm *Pemakanan Yang Sihat Menurut Perspektif Islam*, Norkumala Awang (Ed), 1-22. Kuala Lumpur: IKIM, 2011.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*. Ed. ke-8. Oxford: Oxford University Press, 2010.
- 'Penentuan Makanan Halal', Berita Harian, 24 Julai 2013.
- Quṭub Muṣṭafā Sānū. *Mu'jam Muṣṭalahāt Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu'āṣir, 2000.
- Rusnadewi Abdul Rashid. "Logo Halal Gimik Perniagaan Bulan Ramadhan." *Dewan Ekonomi*, Ogos 2010, 51-53.
- S Dindyal. "How Personal Factors Including Culture and Ethnicity, Affect the Choices and Selection of Food We Make." *Internet Journal of Third World Medicine* 1 (2003): 27-33.
- Sa'dī Abu Ḥabīb. *al-Qāmūs al-Fiqhī Lughah wa Iṣṭilāḥān*. Dimashq: Dār al-Fikr, 1988.
- Sazelin Arif. "Konsep Halalan Tayyiban dari Perspektif Maqasid al-Shariah dan Aplikasinya dalam Prosedur Penentuan Makanan Halal di Malaysia." Tesis Kedoktoran Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Universiti Malaya, 2012.

- Shambavi Rajagopal, Sitalakshmi Ramanan, Ramanan Visvanathan, Subhadra Satapathy. "Halal Certification: Implication for Marketers in UAE." *Journal of Islamic Marketing* 2 (2011): 138-153.
- Suhaimi Ab. Rahman, Jafri Abdullah dan Mohammad Aizat Jamaludin. "Aplikasi Konsep Syubhah dalam Produk Makanan Halal Masa Kini: Satu Kajian Mengikut Perspektif Hadis." Dlm *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, Fauzi Deraman, Ishak Suliaman, Faisal Ahmad Shah (Ed), 113-124. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, 2011.
- Tawfik Salah Mohammed al-Nahdi and Md. Aminul Islam. "Factors Influencing Malaysian Muslims to Patronage Halal Restaurants-Ambience As a Mediator." *Business Review* 6 (2011): 121-133.
- The Oxford English Reference Dictionary*. Ed. ke-2. Oxford: Oxford University Press, 1996.
- Wahbah al-Zuhayli. *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Dimashq: Dār al-Fikr, 2005.
- Wizārah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah. *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa Shu'ūn al-Islāmiyyah, 2007.
- Yusuf al-Qaradawi. *al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fil Islām*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1977.
- Zalina Zakaria. "Keberkesanan Undang-undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia." *Jurnal Syariah* 12, (2004): 95-106.
- Zulzaidi Mahmod. "Pelaksanaan Pemantauan dan Penguatkuasaan Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Kajian Terhadap Penyalahgunaan Logo Halal." Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah Undang-undang, Universiti Malaya, 2011.